



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK TS. DR. MOHD NOR AZMAN BIN HASSAN
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PEMBANGUNAN TEKNOLOGI)**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
(MOSTI)**

MAJLIS PERASMIAN

HARI INOVASI & KREATIVITI NUKLEAR MALAYSIA 2022

13 SEPTEMBER 2022

**DEWAN TUN DR ISMAIL
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim,

YBrs. Dr. Abdul Rahim Bin Harun;

Ketua Pengarah, Agensi Nuklear Malaysia

Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian;

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah Bahagian, warga penyelidik Nuklear Malaysia;

Penyelidik-penyelidik daripada universiti dan agensi tempatan yang mengambil bahagian; dan

Keluarga Malaysia yang dikasihi.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Solallahu A'laihi Wassalam dan bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama

pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Hari Inovasi & Kreativiti Nuklear Malaysia (HIKNM) 2022**.

2. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBrs. Dr. Abdul Rahim Bin Harun, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia atas jemputan ke majlis ini bagi merasmikan HIKNM 2022.
3. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) turut ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung tahniah kepada Agensi Nuklear Malaysia yang juga menyambut Jubli Emas penubuhannya pada tahun ini. Sejak ditubuhkan 50 tahun yang lalu, Nuklear Malaysia terus melangkah maju menerajui dan mendokong aspirasi Negara untuk pembangunan sains dan teknologi nuklear di Malaysia.
4. Hasil kegigihan dan kepakaran yang dicurahkan dalam pelbagai program penyelidikan dan pembangunan teknologi, Nuklear Malaysia telah mampu berdikari dan cemerlang dalam pembangunan sains dan teknologi nuklear dalam pelbagai bidang. Nuklear Malaysia kini telah berubah daripada sebuah agensi penyelidikan

yang menerima teknologi kepada agensi yang mampu menyumbang dalam bentuk kepakaran, kemahiran dan ilmu pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi nuklear.

5. Pelbagai kejayaan dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa juga telah dicapai atas kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan sejak penubuhan Nuklear Malaysia. Pencapaian cemerlang Nuklear Malaysia adalah berdasarkan pengalaman penyelidikan dan pembangunan selama 50 tahun dalam pelbagai aspek sains dan teknologi nuklear. Antaranya adalah Nuklear Malaysia telah mengendalikan selama 40 tahun reaktor penyelidikan iaitu Reaktor TRIGA Puspati (RTP), yang bebas kemalangan radiologi dan bersih alam sekitar. Tahniah Nuklear Malaysia kerana reaktor penyelidikan ini merupakan satu-satunya reaktor penyelidikan nuklear yang terdapat di Malaysia. Selain itu, Nuklear Malaysia juga dilihat sentiasa memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti dan bertaraf antarabangsa. Kemampuan ini adalah berdasarkan latihan dan disiplin tenaga kerja profesional, infrastruktur kejuruteraan serta 10 fasiliti pusat khidmat yang telah diakreditasi dan mendapat persijilan ISO.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Para saintis, penyelidik dan pereka cipta (*inventor*) umpama jambatan yang menghubungkan aplikasi sains dan teknologi kepada masyarakat melalui penghasilan inovasi dan dapatan penyelidikan yang dapat menyumbang kepada transformasi sosioekonomi negara.
7. Oleh itu, usaha dan inisiatif Nuklear Malaysia dalam meraikan dan mengiktiraf para saintis, penyelidik dan pereka cipta ini amatlah dihargai. Program seumpama ini akan menggalak para saintis dan penyelidik untuk terus bergiat aktif dan cemerlang dalam Penyelidikan dan Pembangunan Sains, Teknologi, Inovasi (STI) dalam menyumbang kepada pembangunan negara.
8. Program ini menjadi platform yang interaktif kepada para penyelidik dan *inventor* untuk memperlihatkan hasil inovasi dan kreativiti yang dilaksanakan kepada masyarakat awam, terutamanya golongan penyelidik, ahli sains dan akademik, golongan pelajar serta pemain-pemain industri tempatan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Seperti yang sering dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr Adham Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Pandemi COVID-19 dalam sekelip mata telah banyak mengubah cara kita menjalani kehidupan seharian, memaksa kita untuk bekerja di luar zon selesa. Namun, pada masa yang sama, pandemik ini telah mendorong kita untuk mengaplikasikan STI secara kreatif dan inovatif.

10. Usaha bersepadu antara para saintis and penyelidik di peringkat global, sebagai contoh, telah menyaksikan penghasilan vaksin COVID-19 dalam waktu yang sangat singkat. Ini membuktikan bahawa para saintis dan penyelidik dalam pelbagai bidang, memainkan peranan penting dalam memastikan sesuatu keputusan kritikal dibuat berdasarkan fakta serta komunikasi maklumat melalui penerapan pengetahuan dan teknologi terkini.

11. Para saintis dan penyelidik juga menggalas tanggungjawab yang besar untuk membantu Malaysia menjadi sebuah negara berteknologi tinggi berlandaskan

ekonomi yang diterajui inovasi menjelang 2030. Saya percaya bahawa minda yang cemerlang dalam komuniti saintifik serta jalinan kolaborasi yang berpaksikan sains, teknologi dan inovasi akan menghasilkan pembangunan bernilai tinggi kepada rakyat.

Hadirin yang dihormati,

12. MOSTI sentiasa menyokong usaha memperkasa bidang penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi (R&D&C&I) berteraskan Sains, Teknologi, Inovasi, dan Ekonomi (STIE).

13. Rangka Kerja 10-10 MySTIE yang dibangunkan merupakan pemangkin dalam merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah Negara yang mampu menghasilkan program berimpak tinggi serta berdaya saing diperingkat global, seterusnya meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Rangka kerja ini menghubungkan 10 pemacu sosioekonomi utama Malaysia dengan 10 pemacu sains dan teknologi peneraju antarabangsa.

14. Dengan kerjasama pelbagai agensi, MOSTI turut membangunkan pelan-pelan hala tuju yang memaksimumkan penggunaan Rangka Kerja 10-10 MySTIE. Ini antaranya termasuklah pelan hala tuju pembangunan vaksin, nanoteknologi, teknologi robotik, bahan termaju, ekonomi hidrogen, syarikat pemula, modal urus niaga, blok rantai serta Pelan RDCIE yang merangkumi aspek penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan, inovasi dan ekonomi.

15. MOSTI juga telah membangunkan dasar kebangsaan berkaitan domain teknologi utama seperti nanoteknologi, dan bioteknologi serta dalam peringkat akhir pembangunan dasar berkaitan teknologi nuklear. Adalah diharapkan agar dasar-dasar ini dapat memberikan panduan strategik serta dorongan yang diperlukan untuk Malaysia terutamanya dalam bidang teknologi bagi merealisasikan pelbagai program pembangunan sosioekonomi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Ketika ini, Malaysia direkodkan hanya membelanjakan 24.5% untuk aktiviti melibatkan prototaip, perintis dan peningkatan produk dan kekurangan pelaburan dalam aktiviti penyelidikan eksperimental pra-pengkomersialan. Di negara-negara lain yang berinovasi tinggi, mereka membelanjakan lebih daripada 50% untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah.
17. Bagi menyelesaikan masalah ini, MOSTI menerusi Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN 2021-2030), telah memperuntukkan sekurang-kurangnya 50% dana R&D untuk aktiviti penyelidikan pra-pengkomersialan.
18. MOSTI juga sedang mengkaji mekanisma yang bersesuaian untuk mempertingkatkan peratusan penyelidik (*knowledge workers*) di sektor industri dan salah satu inisiatif yang sedang dijalankan oleh MOSTI adalah *Researcher Industry Scientific Exchange* (RISE) yang membolehkan penempatan penyelidik di industri

untuk membantu menyelesaikan masalah yang mereka dihadapi bagi meningkatkan produktiviti.

Hadirin yang dihormati,

19. Saya difahamkan selain program pameran inovasi, kreativiti dan R&D, pelbagai program menarik lain turut disediakan sepanjang 2 hari HIKNM ini berlangsung, di mana tumpuan utama diberikan kepada golongan pelajar sekolah dan universiti. Saya turut dimaklumkan bahawa seramai 3500 pelajar telah mengesahkan kehadiran mereka. Kumpulan pelajar ini akan mengikuti aktiviti Sudut Sains *Nuclear Education Outreach* (NEO) dan dibawa melawat ke beberapa fasiliti R&D utama di dalam kompleks ini dan juga di kompleks Jalan Dengkil.

20. Usaha ini mampu menarik minat dan menggalakkan lebih ramai pelajar mengikuti bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Saya merakamkan penghargaan kepada Nuklear Malaysia di atas usaha dan inisiatif yang dilaksanakan ini. Pelajar merupakan aset penting negara yang harus ditanam semangat

- cintakan bidang STEM yang mampu menerajui negara pada masa hadapan kelak.
21. Dalam hubungan ini, saya menyarankan agar Nuklear Malaysia terus aktif menjalinkan hubungan kerjasama dengan pelbagai pihak, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, baik dari kalangan ahli akademik, industri dan pemegang taruh yang lain. Saya percaya kerjasama ini dapat mempertingkatkan pembangunan, pengkomersialan dan inovasi dalam aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan, demi merencanakan pembangunan ekonomi negara.
 22. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan program **HARI INOVASI & KREATIVITI NUKLEAR MALAYSIA 2022.**

SEKIAN, WABILAHI TAUFIK WALHIDAYAH
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
DAN SALAM SEJAHTERA.